

06/03/1999

Desakan D8 cerminkan tuntutan ummah sejagat

Kamal Ahmad

RISIKO, kelemahan dan ketidakadilan globalisasi, sistem kewangan serta ekonomi antarabangsa menjadi fokus sidang kemuncak kedua Kumpulan Lapan Negara Membangun (D8) selama dua hari yang berakhir minggu ini.

Reaksi ini membuktikan isu yang dibawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke pelbagai forum antarabangsa sejak ringgit dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) diserang spekulator mata wang asing sejak Julai 1997, kini mula disedari, termasuk di negara Islam.

Hasilnya, D8 mendesak sistem kewangan dan ekonomi diubah dan diperkukuhkan. Globalisasi pula, kata mereka, perlu lebih adil dan tidak membahayakan bagi negara miskin.

Keinsafan dan ketegasan ini termeterai dalam Deklarasi Dhaka. Enam perkara daripadanya menyentuh soal sistem kewangan dan ekonomi dunia, globalisasi serta tuntutan D8 supaya negara maju lebih adil dan membantu negara membangun.

Deklarasi 33 perkara itu turut menuntut kepentingan negara membangun dilindungi di samping memastikan ia memberi manfaat berikutan gagasan globalisasi.

"Isu ini (globalisasi) tidak dirancang. Tetapi sungguh memeranjatkan apabila semua ketua negara berucap soal globalisasi dan mendesak sistem kewangan dan ekonomi dunia diubah supaya lebih adil dan kukuh," kata Setiausaha Rendah Bagi Asia Barat, Afrika dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kementerian Luar, Datuk Deva Mohd Ridzam ketika ditanya mengenai kesepakatan lapan ketua dan wakil kerajaan D8 menyentuh isu berkenaan.

Dr Mahathir dalam sidang itu turut menyatakan sumber asli, kepakaran dan cerdik pandai di negara D8 perlu disatu dan digembleng untuk mencipta kekuatan baru bagi menghadapi ancaman.

Perdana Menteri Bangladesh, Sheikh Hasina Wajed, pula menyifatkan D8 sekutu yang produktif dalam perkongsian pembangunan dan kerjasama ekonomi.

Presiden Turki, Suleyman Demirel mencadangkan penubuhan forum seperti majlis penasihat perniagaan untuk menemukan ahli perniagaan kerana D8 mengakui sektor swasta sebagai penjana kepada kejayaan projek yang dilaksanakan.

Timbalan Presiden Pertama Iran, Dr Hassan Habibi, menyeru dirumuskan satu program umum bagi kerjasama ekonomi dan perdagangan bagi meningkatkan kerjasama negara anggota.

Perdana Menteri Pakistan, Mian Nawaz Sharif, berkata kemajuan berpunca daripada keamanan. Tanpa keamanan dan kestabilan, harapan bagi pertumbuhan dan pembangunan hanya satu ilusi di padang pasir.

Menteri Luar Mesir, Amre M Moussa pula menegaskan negara membangun sudah memenuhi komitmen dan membuka pasarannya dan melakukan perubahan yang serius. Malangnya, negara maju gagal melaksanakan komitmen mereka dalam beberapa bidang yang penting kepada negara membangun.

Menteri Kebajikan Rakyat dan Pembasmian Kemiskinan Indonesia, Haryono Suyono, berkata negara anggota perlu mewujudkan satu model bagi kerjasama pelaburan dan perdagangan sebagai satu cara menghadapi globalisasi.

Menteri Negara Nigeria, A A Isa pula menggesa anggota D8 supaya menghapuskan semua halangan dan menghadapi pasaran bebas.

Sesungguhnya, tuntutan D8 melalui Deklarasi Dhaka adalah wajar. Ini kerana negara membangun ada hak dan bahagian dalam kemakmuran serta keamanan dunia. Sistem kewangan dan ekonomi serta globalisasi bukan hak eksklusif negara maju saja. Negara membangun ada hak menyuarakan pandangan

dalam merangka sistem kewangan baru.

Justeru, D8 mahu perubahan tiga perkara itu membabitkan daya usaha global yang mana semua negara menyertai proses perbincangan dan membuat keputusan.

D8 menyedari kegiatan spekulator dan pedagang mata wang bukan saja memusnahkan Asia tetapi mengancam dan menjadi masalah global. Lantas, D8 mendesak ia perlu ditangani semua pihak.

Blok ekonomi dan kumpulan negara lain sentiasa mengawasi perkembangan D8 sejak penubuhannya diisytiharkan di Istanbul, Turki pada 15 Jun 1997. Barat melihat kemajuan D8 dan tidak dinafikan kini menjadi pesaing dan ancaman kepada blok mereka.

Apatah lagi penyertaan Malaysia dalam D8 dilihat sebagai penjana kekuatan, strategi dan tindakan menghadapi cabaran globalisasi. Namun, malang bagi D8 kerana Barat melihat ia sebagai pakatan politik walaupun ia sebenarnya permuafakatan ekonomi dan perdagangan.

Ini kerana Barat sendiri sudah melabelkan ancaman ekonomi lebih hebat daripada pakatan politik dan ketenteraan. Ini juga kerana Barat sendiri kini menggunakan ekonomi sebagai senjata menjajah negara miskin dan membangun. Lantas, sebarang usaha menggembelng sumber asli, kepakaran dan ekonomi dilihat sebagai cubaan membina senjata untuk menggugat Barat.

Bagi Barat, kata Dr Mahathir, soal keamanan langsung tidak menjadi perkara penting.

"Mereka lebih tertumpu kepada negara miskin sebagai musuh mereka dan mereka ambil langkah untuk menggugat ekonomi dan kewangan kita.

"Justeru, kita tidak ada pilihan kecuali cuba mentadbir negara kita sebaik mungkin. Memanglah kita sangat lemah dalam dunia yang percaya bahawa yang kuat itu betul.

"Kita harus sedia untuk melihat lebih banyak perkara ini akan berlaku pada masa akan datang," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas tamat sidang kemuncak kedua D8 di Dhaka, Bangladesh.

Kenyataan ini disifatkan susulan daripada pendedahan beliau pada sidang kemuncak pertama D8 di Istanbul bahawa negara membangun diancam hegemoni (pengaruh atau penguasaan sesebuah negara terhadap negara lain) politik dan ekonomi jika gagal mewujudkan kestabilan politik.

Jika kenyataan Dr Mahathir mengenai hegemoni dibuat pada 15 Jun 1997, serangan terhadap bursa saham dan mata wang Asia (yang dikelaskan sebagai satu bentuk hegemoni) berlaku pada Julai 1997.

"Pembentukan empayar adalah sesuatu yang sudah berlalu tetapi hegemoni politik dan ekonomi tidak pernah berkubur," kata Dr Mahathir pada sidang itu.

Kini kegigihan Dr Mahathir menyuarakan ancaman Barat mula membuahkan hasil. Beliau sudah menyuarakan perkara itu dalam pelbagai forum antarabangsa termasuk Kumpulan 15 (G15) dan Apec.

D8 yang dianggotai negara terpilih di kalangan 56 negara OIC, disifatkan Barat sebagai 'pati' OIC. Justeru tindakan, desakan dan gerakan D8 mencerminkan hati nurani ummah sejagat.

D8 perlu menyusun strategi menghadapi serangan Barat. D8 memikul mesej dan maruah ummah sekali gus suara dan hak negara membangun keseluruhannya. Pembaharuan komitmen pemimpin untuk tidak menukar status D8 menjadi forum politik sangat tetap dan perlu dipertahankan.

Projek D8 adalah perintis dan jika hasilnya berjaya, ia boleh dikembangkan kepada anggota OIC, Selatan-Selatan, G15 dan Gerakan Negara Berkecuali (NAM).

D8 terbukti berjaya menggembelng usaha, kesedaran dan komitmen kepada negara anggota untuk bekerjasama dalam ekonomi dan perdagangan.

Bagi pihak Malaysia, peluang yang terbentang luas perlu dikaji dan disertai sama. Apakah persiapan syarikat insurans Islam untuk mempromosi

sistem itu kepada D8, OIC, Selatan-Selatan dan dunia? Kelewatan bertindak membolehkan pihak lain mengisi peluang itu. Difahamkan Singapura bagai berminat dengan insurans Islam dan takaful semula. Tetapi dari sudut mana republik itu berminat, kurang pasti.

Dalam sidang akhbar selepas tamat sidang kemuncak itu, Dr Mahathir memberi peluang wartawan bertanya apa saja soalan. Dalam tempoh hampir sejam, beliau menjawab lebih 25 soalan. Soalan berkisar D8 di samping beberapa soalan dalam negara, ancaman Barat terhadap negara membangun serta kelemahan globalisasi dan sistem kewangan dunia.

Mesej beliau dalam sidang akhbar itu ialah memberi penjelasan semua isu berkenaan supaya lebih 100 wartawan dan jurugambar yang hadir dapat menyalurkan semula maklumat itu kepada 800 juta penduduk dalam negara anggota D8.

Bagi delegasi Malaysia ke sini, mereka harus mengambil iktibar daripada kemelaratan hidup rakyat Bangladesh. Bangunan di ibu kota suram tanpa neon dan papan iklan. Penduduknya kecil pendek dan berkaki ayam. Jalan sesak dengan beca tempo.

Asap tebal keluar dari ekzos skuter tiga roda Bajaj. Kanak-kanaknya buncit, tubuhnya berdebu, tidak berbaju dan ramai meminta sedekah. Rumah setingan selebar katil kelamin berdinding buluh beranyam berselerak di segenap pelusuk kota. Ada yang mengutip sisa makan di tong sampah.

"Sebenarnya, apabila kita insaf, kita akan dapat lebih banyak lagi. Apabila kita bersyukur, Tuhan akan beri lebih banyak lagi. Kalau tidak bersyukur, bala daripada Tuhan amat sakit dan perit.

"Kalau kita bersyukur, kita tidak akan menamatkan hidup kita yang selesa dan mewah sekarang," kata Dr Mahathir pada kira-kira 100 pegawai kedutaan, pelajar dan kakitangan sektor swasta Malaysia.

(END)